

TARIKH	6 / 12 / 2015	MUKASURAT	60
HARI	AHAD	RUANGAN	SUKAN

# Sasar hatrik Piala Tun Abdul Razak



PEMAIN Perak, Muhamad Sukri Abdul Matalib (kiri) mengasak pemain Kuala Lumpur, Mohd. Ramadhan Rosli pada aksi separuh akhir Piala Tun Abdul Razak di Bukit Jalil semalam.

PENGURUS skuad hoki Perak, Datuk Azhar Ahmad mengakui pasukannya sudah bersedia untuk mencipta sejarah tersendiri dalam saingan kempen Piala Tun Abdul Razak kali ini.

Keyakinan tersebut hadir selepas Perak mara ke final musim ini sejurus menewaskan Kuala Lumpur 3-2 di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam.

Kemenangan ke atas Kuala Lumpur sekali gus menyaksikan Perak berpeluang meraih gelaran hatrik Piala Tun Abdul Razak untuk kali ketiga berturut-turut.

Bagaimanapun, kejayaan itu tidak hadir dengan mudah apabila Perak terpaksa 'bermandi peluh' pada 10 minit terakhir sebelum nasib memihak kepada mereka dalam aksi separuh akhir itu.

"Kami bernasib baik kerana beberapa percubaan Kuala Lumpur hampir memusnahkan hara-

pan Perak. Saya harap pemain tidak hilang fokus pada hujung (minit akhir) perlawanan semasa final esok (hari ini).

"Para pemain diharap dapat mengekalkan prestasi dan bersedia melakar sejarah untuk mencipta hatrik dengan menjuarai piala untuk tiga kali berturut-turut," katanya.



Perak bermula garang apabila mendahului 3-0 menerusi jaringan Muhamad Haziq Samsul pada minit ketiga, diikuti Hafifi Hafiz Hanafi (m-19) dan Azlan Misron (m-26).

Kuala Lumpur selaku skuad juara 19 kali bingkas merapatkan kedudukan 3-2 menerusi dua gol padang yang disudahkan Mohamad Syamim Mohd. Yusof dan Muhamad Ramadan Rosli pada minit ke-29 serta ke-54.

Menentang Perak dalam final hari ini ialah Melaka yang menang 4-3 ke atas Johor dalam satu lagi aksi separuh akhir semalam.